

# Malaysia tidak terikat tempoh runding FTA

BH-19/3/2007

## Kerajaan perlu masa selesaikan pelbagai isu berbangkit: Najib

Oleh Amirullah Andi Nur

**K**UALA LUMPUR: Malaysia tidak terikat dengan sebarang tempoh masa dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat, walaupun ia dijadualkan berakhir bulan ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, pendirian Malaysia adalah jelas iaitu meneruskan rundingan mengenai perkara itu sehingga kedua-dua pihak menemui kata sepakat berhubung isu diketengahkan.

"Kita sudah sepakat bahawa kita tidak terikat (dengan sebarang tempoh untuk menyelesaikan rundingan) dan meneliti setiap perkara berkenaan dengan semasa," katanya.

"Pendirian kita sudah disampaikan kepada Amerika Syarikat oleh Datuk Seri Rafidah Aziz," katanya selepas menghadiri program bual bi-

cara TV1 berjudul *Setiap Anak Permata Negara* di Studio 1, Angkasapuri, di sini, semalam.

Kelmarin, Steve Norton yang juga jurucakap bagi Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Susan Schwab dilaporkan membayangkan kemungkinan FTA dengan Malaysia tidak dapat dicapai sebelum tarikh sasaran awalnya akhir bulan ini.

Beliau berkata, Malaysia dikatakan masih terikat dengan perbincangan mengenai beberapa peruntukan penting dalam FTA itu termasuk peraturan mengenai pemerolehan kerajaan.

Berikutan rundingan pusingan terbaru bulan lalu, Norton berkata, Malaysia memaklumkan Washington bahawa pihaknya memerlukan masa mencapai permuafakatan yang memihak kepada perjanjian itu.

"Proses itu masih diteruskan Malaysia. Saya fikir adalah jelas pada ketika ini bahawa FTA itu tidak mungkin dapat diselesaikan di bawah Kuasa Promosi Perdagangan (TPA) semasa," katanya.

Najib berkata, kerajaan tidak melihat wujud sebarang tekanan berikutan tempoh masa ditetapkan semakin hampir luput dan yakin Amerika Syarikat tidak akan berbuat demikian terhadap Malaysia.

"Sudah tentu Amerika Syarikat

mahukan resolusi awal, tetapi mereka juga perlu memahami bahawa sesetengah daripada isu berbangkit berhubung FTA itu memerlukan masa untuk diselesaikan," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Najib berkata, kerajaan mengalu-alukan Projek Everest 2007 dan menganggap ia gambaran iltizam tinggi rakyat negara ini dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk sampai ke puncak Everest.

"Bukan mudah hendak melakukannya, tetapi semangat seperti ini contoh serta teladan amat baik kepada rakyat Malaysia dan sudah tentu ia akan menaikkan lagi imej Malaysia di mata dunia," katanya.

Projek Everest 2007 yang juga dikenali Mendaka De Everest dianjurkan Persatuan Kembara Negara serta Kementerian Belia dan Sukan. Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 16 Mei 2006.

**“Kita sepakat tidak terikat dengan sebarang tempoh untuk selesaikan rundingan dan meneliti setiap perkara”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri